

Lindungi alam suatu perjuangan nasionalisme

3 1 Ogos setiap tahun membawa bersama semangat nasionalisme supaya rasa cintakan negara terus subur di sambut seluruh rakyat Malaysia. Malah, sambutan kemerdekaan kali ini lebih bermakna ketika negara kita terunggul di persada Sukan SEA 2017 (KL2017) dengan meraih 145 pingat emas.

Sesuatu yang istimewa sudah dilakukan Malaysia pada temasya, ia itu dengan penganugerahan anak pokok sebagai cenderahati kepada setiap pemenang pingat. Pemberian ini berdasarkan kempen ‘Satu Pingat, Satu Pokok’ adalah sangat simbolik dan bertujuan menyemai nilai murni dan merupuk semangat sayangi alam sekitar.

Kempen ini kena pada waktunya dan bertepatan dengan aspirasi negara ke arah amalan menghijaukan bumi dan melesatkan alam sekeliling. Bagi masyarakat umum, hutan rimba, rimbulan hijau atau pepohon rendang tentulah sesuatu yang sudah biasa dilihat.

Tetapi ini bukan bermakna penanaman pokok dan penghijauan

bumi sekadar perbuatan yang remeh dan tidak penting. Hakikatnya, pokok dan hutan yang menjadi nadi negara serta dunia bagi mengawal perubahan iklim dan pemanasan global. Fungsi hutan juga sering dikaitkan dengan perlindungan sumber air, pengurangan hakisan tanah, pengawalan banjir serta peningkatan kualiti udara.

Tanpa pepohon dan hutan, hilang segala manfaat rimba raya, berkurang spesies tumbuhan dan haiwan, rosak habitat semulajadi, terputus sistem rantai makanan, dan terancam kehidupan manusia.

Oleh yang demikian, dalam keretuanan menyambut Hari Merdeka, ketika semangat Sukan SEA masih membara, detik ini yang perlu kita guna untuk berfikir sejenak apakah yang kita boleh lakukan demi melindungi alam?

Sememangnya Malaysia kaya dengan sumber semulajadi dan kepelbagaiannya. Setiap lapisan masyarakat dan semua pihak yang berkepentingan seharusnya berasa bangga dengan kekayaan khazanah ini, apakah lagi apabila Malaysia mendapat pengiktirafan

global sebagai negara mega kepelbagaiannya biologi dunia berdasarkan kepada bilangan spesies flora dan fauna yang beraneka.

Masyarakat Malaysia sememangnya ada kesedaran tanggungjawab menjaga alam sekitar dan tidak berpeluk tubuh dengan meletakkan beban ini di bahu piaku berkuasa semata-mata.

Nikmat pengorbanan dirasai bersama

Orang awam yang menjadi beneng pertahanan paling hadapan dalam menggempur aktiviti pencemaran dan membanteras pencerobohan sumber asli. Masyarakat setempat lebih maklum mengenai situasi di kawasan masing-masing dan tentu dapat jadi mata dan telinga badan penguat kuasa.

Bayangkan juga kesan positif terhasil sekiranya setiap daripada 32 juta rakyat Malaysia prihatin dengan cara menanam pokok, kitar semula barang terbuang atau memungut sampah. Tentunya nikmat pengorbanan ini dapat dirasai bersama.

Sebagaimana kita mengagumi

semangat juang atlet kebangsaan, dan menghayati semangat patriotik wira negara terdahulu, semangat sama juga harus ada pada setiap warga Malaysia dalam melestarikan alam sekitar. Apabila kualitinya merosot dan sumber asli pupus, tiada apa lagi yang tinggal untuk generasi seterusnya.

Oleh yang demikian, seperti mana kita berbangga dengan pelbagai mercu tanda pembangunan negara, masyarakat juga seharusnya menjadikan sumber semulajadi seperti samudera membiru, sungai jernih, hidupan liar membiak atau hutan hujan tropika yang sudah berusia 130 juta tahun sebagai sebahagian identiti bangsa Malaysia dan mengiktiraf sumber ini sebagai ikon negara yang sangat dihargai.

Biar kedatangan Hari Kebangsaan menjadi titik tolak suatu realiti bahawa kesinambungan hidup tidak dapat dipisahkan daripada alam sekitar dan perlu jadi asas segenap lapisan masyarakat bersama melindunginya, bertepatan dengan tema Hari Merdeka, ‘Negaraku Sehati Sejiwa’.

Komentar



Dr Maizatun Mustafa

Pensyarah Undang-Undang Alam Sekitar, Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia